



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

MEMO

PEJABAT
KETUA PENGARAH



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

Kepada : Rujuk Senarai Edaran

Daripada : Ketua Pengarah Pertanian

Salinan Kepada : Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (PIP)
Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (P&R)
Fail

Tarikh : 31 Julai 2026

Ruj. Fail : JP.BK.100-1/5/1/ JLD.8 (33)

YBhg.Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN DASAR HARI BEKERJA HIBRID (HBH) BAGI PEGAWAI JABATAN PERTANIAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan Kerajaan telah bersetuju melaksanakan Dasar Hari Bekerja Hibrid (HBH) di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian SR 4.1.3 sebagai norma kerja baharu dalam Perkhidmatan Awam yang akan berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2026.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pertanian melalui Mesyuarat Pengurusan dan Dasar Jabatan Pertanian pada 28 Julai 2026 telah bersetuju ketetapan berikut sebagai panduan awal untuk melaksanakan HBH ini sehingga satu garis panduan dalaman dikeluarkan.

3.1 Syarat Kelayakan HBH

- Pegawai yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya, WP Kuala Lumpur dan WP Labuan. Pusat Latihan dan Bahagian Teknikal DOA di negeri-negeri selain yang dinyatakan adalah tertakluk kepada penerimaan di pentadbiran negeri masing-masing;
- Skop tugas tidak memerlukan kehadiran sepenuhnya di pejabat untuk melaksanakan tugas;
- Mempunyai peralatan yang bersesuaian seperti laptop atau komputer meja untuk melaksanakan tugas;
- Markah penilaian prestasi 85% dan ke atas atau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) melepasi sasaran;
- Bebas dari sebarang prosiding tatatertib;

3.2 Pegawai yang Dikecualikan HBH

- i. Pegawai yang baharu melapor diri dan tidak mempunyai markah penilaian prestasi;
- ii. Semua Pengarah Bahagian/ Ketua Unit/ Kuasa Usaha/ Penyelia yang bertanggung jawab dalam mentadbir organisasi;
- iii. Pegawai yang melaksanakan tugas kewangan bagi Skim Perkhidmatan W;
- iv. Pegawai yang melaksanakan tugas sumber manusia dan mengendalikan buku perkhidmatan bagi Skim Perkhidmatan M dan N;
- v. Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha Pejabat bagi Skim Perkhidmatan N;
- vi. Pembantu Khidmat Am bagi Skim Perkhidmatan H yang tanggung jawabnya sentiasa memerlukan untuk berada di lokasi; dan
- vii. Pembantu Makmal bagi Skim Perkhidmatan C.

3.3 Hari dan Waktu Bekerja

- i. Pegawai HBH sama ada bekerja di pejabat atau BDR hendaklah mematuhi tempoh waktu bekerja sembilan (9) jam termasuk waktu rehat seperti pelaksanaan peraturan WBF yang ditetapkan di dalam Ceraian SR 4.1.1;
- ii. Hari Bekerja Pejabat adalah Isnin, Selasa dan Jumaat bagi negeri yang kelepaan am pada hari Ahad. Hari BDR pada Rabu dan Khamis;
- iii. Pegawai HBH perlu menggunakan sistem perakam waktu sedia ada di pejabat masing-masing pada Hari Bekerja Pejabat. Pada hari BDR, pegawai perlu menggunakan SPOT-Me untuk mendaftar masuk dan keluar serta mendaftar pergerakan dalam SPOT-Me setiap satu (1) jam sebanyak 8 kali sehari dan mencatatkan 'BDR' pada ruangan ulasan; dan
- iv. Pegawai yang BDR tetapi diarahkan datang ke pejabat perlu memastikan surat arahan penyelia disertakan dan kekal di pejabat sehingga waktu bekerja tamat serta perlu mengetik masa masuk dan keluar seperti biasa.


4. Justeru itu, ketua jabatan/ ketua unit/ penyelia perlu mengenal pasti pegawai yang layak untuk HBH dan menyusun giliran kehadiran bagi pegawai yang layak HBH di pejabat dan di rumah/ di lokasi lain. Arahan ini berkuat kuasa pada 3 Ogos 2026.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg.Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ANDA KAMI UTAMAKAN"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' NOR SAM BINTI ALWI)

SENARAI EDARAN

1. Pejabat Ketua Pengarah
2. Pengarah Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik
3. Pengarah
Bahagian Pembangunan Industri Tanaman
4. Pengarah
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
5. Pengarah
Bahagian Pengembangan Pertanian
6. Pengarah
Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja
7. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Tanah
8. Pengarah
Bahagian Kejuruteraan Pertanian
9. Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Makmal
10. Pengarah
Bahagian Pembangunan Modal Insan
11. Pengarah
Bahagian Pertanian Bandar
12. Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
13. Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
14. Ketua Unit
Unit Undang-Undang

15. Ketua Unit
Unit Komunikasi Korporat
16. Ketua Unit
Unit Integriti